

Nama: \_\_\_\_\_

## BAHAGIAN A

### SOALAN 1: FAHAMAN

Baca dan fahami teks ceramah di bawah ini. Kemudian jawab soalan fahaman daripada cerita tersebut.

#### ADAB HIDUP BERJIRAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang mulia Guru Besar Sekolah Rendah Rimba II. Yang mulia guru-guru dan rakan-rakan seperjuangan yang disayangi. Tajuk ceramah saya pada hari ini ialah "Adab Hidup Berjiran".

Hadirin hadirat dan murid-murid yang dihormati sekalian, hidup di dunia ini saling memerlukan antara satu sama lain. Kita tidak dapat hidup bersendirian kerana masing-masing memerlukan kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat. Jiran ialah orang yang hidup dalam lingkungan jarak 40 buah rumah dari rumah kita dari setiap sudut.

Murid-murid yang dikasihi, terdapat beberapa adab yang perlu diamalkan dalam kehidupan berjiran. Kita janganlah sekali-kali menyakiti hati mereka sama ada melalui percakapan mahupun tingkah laku yang boleh menyinggung perasaan. Kita bertanggungjawab untuk menjaga hubungan yang baik sesama tetangga. Ini boleh dicapai dalam pelbagai cara seperti mengekalkan interaksi yang positif, menjaga kebersihan kawasan rumah, keselamatan rumah, ringan mulut, saling bertegur sapa, tidak camah mata, berbaik sangka dan saling hormat-menghormati.

Murid-murid sekalian, di samping itu sifat pemedulian dan prihatin terhadap kesusahan yang dialami oleh jiran juga perlu diberi perhatian. Sekiranya jiran ditimpa musibah seperti kemalangan, sakit dan kematian, kita janganlah berlengah-lengah untuk melawat dan memberikan bantuan yang termampu.

Murid-murid yang dikasihi, bagi mengekalkan kerukunan dan hubungan yang baik sesama jiran, kita selaku orang muda juga mestilah mengamalkan sikap berawar galat dan bersopan santun, memanggil jiran dengan panggilan pangkat yang sesuai seperti kakak, abang, pak cik dan mak cik. Tidak elok dan dianggap kasar dalam masyarakat kita jika memanggil orang-orang yang dewasa dengan panggilan nama.

Murid-murid yang dikasihi, etika berpakaian perlu dijaga. Kita janganlah memakai pakaian yang menjolok mata apabila berada di kawasan rumah kerana boleh mendatangkan fitnah. Pakaian biarlah longgar dan sopan. Kita juga hendaklah pandai mengambil hati jiran. Tahu menghargai dan berterima kasih jika jiran menghulurkan bantuan. Sikap saling menghargai dan tidak mudah lupa diri perlu diamalkan dalam hidup berjiran.

Hadirin hadirat dan murid-murid yang dihormati sekalian. Apabila kita ditimpa kesusahan, jiran kitalah orang pertama yang akan membantu kita. Oleh itu, sayangilah jiran kerana jiran yang baik itu adalah umpama keluarga kita juga.

Sekian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Jawab semua Soalan di bawah ini:

1) Siapakah yang digolongkan sebagai jiran?

---

---

(2 markah)

2) Sekiranya jiran kamu ditimpa musibah seperti kemalangan, sakit atau kematian, apakah perkara yang patut kamu lakukan?

---

---

(2 markah)

3) Mengapakah kita dilarang memakai pakaian yang menjolok mata apabila berada di kawasan rumah?

---

---

(2 markah)

4) Apabila kita ditimpa kesusahan, siapakah orang yang pertama yang akan membantu kita?

---

---

(2 markah)

5) Tuliskan dua perkara yang perlu diamalkan dalam hidup berjiran.

---

---

---

(4 markah)

6) Tuliskan dua cara bagi menjaga hubungan yang baik sesama jiran tetangga?

---

---

---

(4 markah)

7) Sila berikan pendapat kamu. Jiran yang bagaimanakah yang kamu inginkan?

---

---

---

(4 markah)

( \_\_\_\_\_ / 20 markah)

### **BAHAGIAN PERISTIWA**

#### **SOALAN 3: PERISTIWA**

**Nyatakan apakah nilai-nilai murni yang perlu kamu lakukan jika berhadapan dengan peristiwa atau situasi seperti yang berikut:**

##### **PERISTIWA 1**

Semasa kamu menunggang basikal, kamu telah terlanggar kereta jiran kamu sehingga menyebabkan bahagian kereta itu tercalar dan kemik sedikit. Apakah tindakan yang perlu kamu lakukan?

---

---

##### **PERISTIWA 2**

Sewaktu menghadiri kenduri di rumah jiran, kamu melihat lebih makanan yang terhidang di atas meja dibiarkan terbuka dan terdedah setelah para tetamu pulang. Apakah tindakan yang perlu kamu lakukan?

---

---

##### **PERISTIWA 3**

Ketika kamu sedang bermain kikir bersama kawan-kawan kamu, tiba-tika kikir tersebut menyangkut di kawah astro jiran kamu. Apakah tindakan yang perlu kamu lakukan?

---

---

**PERISTIWA 4**

Ketika kamu sedang menyiram bunga di halaman rumah, kamu ternampak asap hitam berkepul-kepul keluar dari rumah jiran kamu. Hanya kamu sahaja yang mengetahui perkara itu. Apakah tindakan yang perlu kamu lakukan?

---

---

**PERISTIWA 5**

Semasa kamu menunggang basikal, kamu telah terlanggar kereta jiran kamu sehingga menyebabkan bahagian kereta itu tercalar dan kemik sedikit. Apakah tindakan yang perlu kamu lakukan?

---

---



(10 markah)



## SOALAN 2: BERPANDUKAN GAMBAR

### A) SOALAN BERGAMBAR

Teliti gambar-gambar di bawah. Senaraikan LIMA (5) **nilai-nilai murni** yang terdapat pada gambar A dan LIMA (5) **kelakuan yang tidak baik** pada gambar B di bawah ini.

GAMBAR A	GAMBAR B
	
<p>Nilai-nilai murni yang patut dicontohi</p>	<p>Perilaku yang tidak baik untuk dicontohi</p>
<p>1.</p>	<p>1.</p>
<p>2.</p>	<p>2.</p>
<p>3.</p>	<p>3.</p>
<p>4.</p>	<p>4.</p>
<p>5.</p>	<p>5.</p>

( \_\_\_\_\_ /10 markah)

JUMLAH MARKAH BAHAGIAN A	
SOALAN 1	
SOALAN 2	
MARKAH DIPEROLEH	

## BAHAGIAN B

### SOALAN 1: ANEKA PILIHAN

Pilih jawapan yang betul dengan menulis **A, B, C atau D** di dalam petak yang disediakan.

1. Kebersihan dan keindahan sekolah adalah \_\_\_\_\_ bersama.

- A. perselisihan
- B. tanggungjawab
- C. tolak ansur
- D. timbang rasa

2. Orang yang tahu mengurus aktiviti mengikut masa adalah \_\_\_\_\_.

- A. orang yang bijak
- B. orang yang tamak
- C. orang yang lalai
- D. orang yang bersopan-santun

3. Membuang sampah di tempat yang disediakan boleh \_\_\_\_\_ diri agar kita tidak jadi seorang yang pengotor.

- A. membiakkan
- B. menjangkitkan
- C. menghancurkan
- D. mendisiplinkan

4. Baki wang belanja sekolah hendaklah \_\_\_\_\_ untuk keperluan akan datang.

- A. dibelanjakan
- B. disembunyikan
- C. disimpan
- D. disedekahkan

5. Salah satu cara menjadikan diri kita menjadi seorang yang berilmu adalah dengan \_\_\_\_\_.

- A. malu bertanya
- B. melawan arahan guru
- C. ponteng sekolah
- D. banyak membaca buku

6. Perbuatan yang elok dilakukan dalam hidup berjiran adalah \_\_\_\_\_.

- A. bersama-sama menjaga kebersihan rumah masing-masing
- B. membuat bising
- C. tidak menghiraukan jiran
- D. bersikap sombong

☐

7. 'Ringan mulut' adalah peribahasa yang bererti \_\_\_\_\_

- A. ramah.
- B. Sifat pemedulian
- C. segan silu.
- D. tidak peduli

☐

8. Saling hormat-menghormati adalah perbuatan yang elok dilakukan dalam \_\_\_\_\_

- A. Hidup berjiran
- B. Hidup berumah tangga
- C. Hidup di luar negara.
- D. Hidup bermukim.

☐

9. Jika jiran memerlukan pertolongan kita hendaklah membantu dengan \_\_\_\_\_

- A. angkuh
- B. membayar balik
- C. mulia
- D. ikhlas

☐

10. 'Seangkat-angkat hati' beerti \_\_\_\_\_

- A. Timbang rasa
- B. Dengan rasa ikhlas
- C. Berterima kasih
- D. Bersyukur

☐

11. Sebagai seorang murid, kamu bertanggungjawab untuk \_\_\_\_\_.

- A. bermain dan berdisiplin.
- B. Memugut harta benda sekolah.
- C. Membersihkan bilik darjah sebelum dan selepas belajar.
- D. rajin belajar dan meminta upah dari ibu bapa.

☐

12. Berbuat\_\_\_\_\_ dengan kawan dan jiran adalah sangat dituntut oleh agama.

- A. jahat
- B. baik
- C. sombong
- D. khianat

☐

13. Bertimbang rasa sesama kawan adalah sifat yang \_\_\_\_\_

- A. tidak baik.
- B. dibenci
- C. jahat
- D. terpuji

☐

14. Kita hendaklah saling \_\_\_\_\_ dengan jiran tetangga.

- A. bermusuhan
- B. hormat-menghormati
- C. caci-mencaci
- D. hampa

☐

15. Jika kita nampak rumah jiran dimasuki pencuri hendaklah meneleponkan\_\_\_\_\_

- A. bomba
- B. askar
- C. polis
- D. doktor

☐

16. Orang yang tidak \_\_\_\_\_ secara umum adalah bukan sebagai contoh yang baik atau pemimpin yang baik

- A. lutan
- B. rajin
- C. amanah
- D. pemaaf

☐

17. Kita hendaklah \_\_\_\_\_ mendengar arahan ketua darjah ketika membersihkan kelas.

- A. melawan
- B. patuh
- C. Malas
- D. Tidak bertolak ansur

☐



18. Kita hendaklah berpakaian \_\_\_\_\_ ketika di luar rumah

- A. menutup aurat
- B. jarang dan pendek
- C. baju lengan pendek
- D. Tidak berbaju

☐

19. Membersihkan takungan air boleh menjauhi pembiakan \_\_\_\_\_ yang membawa penyakit.

- A. lipas
- B. nyamuk
- C. semut
- D. tikus

☐

20. Jiran yang \_\_\_\_\_ suka menunjuk-nunjuk dan bangga dengan kelebihan diri sendiri adalah tidak disukai orang,.

- A. jujur
- B. angkuh
- C. baik
- D. ikhlas

☐

( \_\_\_\_\_ /20 markah)